1 **PENDIDIKAN KESIHATAN REPRODUKTIF DAN SOSIAL (PEERS) (Kesihatan Diri dan Reproduktif) (a) Kemahiran membuat keputusan dalam konteks kesihatan diri dan reproduktif**	TP1	• Menyatakan maksud identiti seksual dan orientasi seksual.	51		
	TP2	• Menjelaskan jenis orientasi seksual.	51		
	TP3	• Menjelaskan dengan contoh kecelaruan identiti seksual dan kecelaruan orientasi seksual.	52		
	TP4	• Membezakan maksud identiti seksual dengan orientasi seksual.	52		
	TP5	• Merumuskan pandangan agama dan budaya masyarakat Malaysia terhadap kecelaruan identiti seksual dan kecelaruan orientasi seksual.	52		
	TP6	• Menulis secara kreatif cara untuk menangani kecelaruan identiti seksual dan orientasi seksual yang bertentangan dengan agama serta budaya dalam masyarakat.	52		
Tahap Penguasaan Unit 1	TP 1 ☐	TP 2 ☐	TP 3 ☐	TP 4 ☐	TP 5 ☐	TP 6 ☐

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

UNIT	STANDARD PRESTASI		HALAMAN	PENCAPAIAN	
	TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN		(✓) MENGUASAI	(✗) BELUM MENGUASAI
1 **PENDIDIKAN KESIHATAN REPRODUKTIF DAN SOSIAL (PEERS) (Kesihatan Diri dan Reproduktif) (b) Kemahiran menangani pengaruh dalaman serta luaran yang mempengaruhi kesihatan diri dan reproduktif**	TP1	• Menyatakan maksud kehormatan diri.	53		
	TP2	• Menjelaskan kepentingan menjaga kehormatan diri.	53		
	TP3	• Menjelaskan dengan contoh cara menjaga kehormatan diri dari aspek kebersihan, keselamatan dan kesihatan.	53		
	TP4	• Menganalisis langkah-langkah yang perlu diambil untuk menjaga kehormatan diri dari aspek kebersihan, keselamatan dan kesihatan.	54		
	TP5	• Merumuskan kesan sekiranya tidak menjaga kehormatan diri.	54		
	TP6	• Menghasilkan karya tentang kepentingan menjaga kehormatan diri secara kritis dan kreatif.	54		
Tahap Penguasaan Unit 1		TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐			
1 **PENDIDIKAN KESIHATAN REPRODUKTIF DAN SOSIAL (PEERS) (Penyalahgunaan Bahan)**	TP1	• Memberi contoh risiko penyalahgunaan bahan.	55		
	TP2	• Menghubungkaitkan risiko penyalahgunaan bahan dalam kehidupan harian.	55		
	TP3	• Mendemonstrasi kemahiran kecekapan psikososial dalam menangani penyalahgunaan bahan.	56		
	TP4	• Memilih tindakan yang sesuai untuk tidak melibatkan diri dalam penyalahgunaan bahan.	56, 57		
	TP5	• Meramalkan risiko penyalahgunaan bahan kepada diri.	56, 57		
	TP6	• Menjana idea cara mengelakkan diri daripada terlibat dalam penyalahgunaan bahan.	57		
Tahap Penguasaan Unit 1		TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐			
1 **PENDIDIKAN KESIHATAN REPRODUKTIF DAN SOSIAL (PEERS) (Pengurusan Mental dan Emosi)**	TP1	• Menyenaraikan contoh situasi konflik dan situasi stres.	58		
	TP2	• Menerangkan kesan konflik dan kesan stres.	58		
	TP3	• Menjelaskan dengan contoh faedah mengurus konflik dan mengurus stres.	59		
	TP4	• Menganalisis konflik dan stres yang mempengaruhi kesihatan diri dan keluarga dalam kehidupan harian.	59		
	TP5	• Meramalkan kesan sekiranya tidak mengurus konflik dan stres dalam kehidupan harian.	60		
	TP6	• Menjana idea yang boleh menangani konflik dan stres dalam kehidupan harian.	60		
Tahap Penguasaan Unit 1		TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐			

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

UNIT	STANDARD PRESTASI		HALAMAN	PENCAPAIAN	
	TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN		(✓) MENGUASAI	(✗) BELUM MENGUASAI
1 **PENDIDIKAN KESIHATAN REPRODUKTIF DAN SOSIAL (PEERS) (Kekeluargaan)**	TP1	• Menyatakan maksud jurang generasi.	61		
	TP2	• Membincangkan cara merapatkan jurang generasi dalam keluarga.	61		
	TP3	• Menjelaskan dengan contoh kepentingan merapatkan jurang generasi.	62		
	TP4	• Membanding beza jurang generasi dalam keluarga.	62		
	TP5	• Mengesyorkan cara untuk merapatkan jurang generasi.	62		
	TP6	• Merancang dan menjalankan projek mini berkaitan cara merapatkan jurang generasi dalam keluarga.	62		
Tahap Penguasaan Unit 1	TP 1	TP 2	TP 3	TP 4	TP 5	TP 6
1 **PENDIDIKAN KESIHATAN REPRODUKTIF DAN SOSIAL (PEERS) (Perhubungan)**	TP1	• Memberi contoh nilai dalam perhubungan yang sihat.	63		
	TP2	• Menerangkan batas perhubungan yang sihat.	63		
	TP3	• Menjelaskan dengan contoh cara mengekalkan nilai dan batas perhubungan yang sihat.	64		
	TP4	• Menganalisis cara mengekalkan nilai dan batas perhubungan yang sihat.	64		
	TP5	• Merumuskan kebaikan mengamalkan nilai dan batas perhubungan yang sihat dalam kehidupan harian.	64		
	TP6	• Menjana idea cara menjalin perhubungan dan mengekalkan batas perhubungan yang sihat.	64		
Tahap Penguasaan Unit 1	TP 1	TP 2	TP 3	TP 4	TP 5	TP 6
1 **PENDIDIKAN KESIHATAN REPRODUKTIF DAN SOSIAL (PEERS) (Penyakit)**	TP1	• Menjelaskan penyakit tidak berjangkit.	65		
	TP2	• Memberi contoh risiko penyakit tidak berjangkit.	65, 66		
	TP3	• Menjelaskan dengan contoh cara mencegah penyakit tidak berjangkit.	66		
	TP4	• Memilih cara mengurus diri jika menghidap penyakit tidak berjangkit.	66		
	TP5	• Membuat kesimpulan tentang akibat jika tidak mengamalkan gaya hidup sihat kepada diri sendiri dan keluarga.	67		
	TP6	• Merancang dan menghasilkan pelan amalan gaya hidup sihat untuk mencegah penyakit tidak berjangkit secara kritis dan kreatif.	67		
Tahap Penguasaan Unit 1	TP 1	TP 2	TP 3	TP 4	TP 5	TP 6

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

UNIT	STANDARD PRESTASI		HALAMAN	PENCAPAIAN	
	TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN		(✓) MENGUASAI	(✗) BELUM MENGUASAI
1 **PENDIDIKAN KESIHATAN REPRODUKTIF DAN SOSIAL (PEERS) (Keselamatan)**	TP1	• Menyatakan maksud gangguan seksual dan penderaan seksual.	68		
	TP2	• Menjelaskan contoh gangguan seksual dan penderaan seksual.	68		
	TP3	• Menunjuk cara kemahiran berkata TIDAK kepada gangguan seksual dan penderaan seksual.	69		
	TP4	• Menganalisis pelbagai gangguan seksual.	69		
	TP5	• Membahaskan cara menangani gangguan seksual dan penderaan seksual.	69, 70		
	TP6	• Menyebarkan maklumat cara mengelak diri daripada gangguan seksual dan penderaan seksual secara kritis dan kreatif.	70		
Tahap Penguasaan Unit 1	TP 1	TP 2	TP 3	TP 4	TP 5	TP 6
2 **PEMAKANAN**	TP1	• Menyatakan maksud keselamatan makanan dan kualiti makanan.	72		
	TP2	• Menerangkan cara mengekalkan keselamatan makanan dan kualiti makanan.	72		
	TP3	• Menjelaskan dengan contoh cara memilih makanan yang selamat dan berkualiti untuk mengelak keracunan dalam pemakanan harian.	72		
	TP4	• Menganalisis cara penyimpanan bagi mengekalkan keselamatan makanan dan kualiti makanan.	73		
	TP5	• Memberi pendapat tentang kepentingan pengambilan makanan berdasarkan keselamatan makanan dan kualiti makanan.	73		
	TP6	• Merancang dan menjalankan kempen berkaitan keselamatan makanan dan kualiti makanan.	73		
Tahap Penguasaan Unit 2	TP 1	TP 2	TP 3	TP 4	TP 5	TP 6
3 **PERTOLONGAN CEMAS**	TP1	• Menyatakan prinsip dan prosedur T.O.T.A.P.S.	75		
	TP2	• Menjelaskan setiap prinsip dan prosedur T.O.T.A.P.S.	75		
	TP3	• Menunjuk cara langkah-langkah prosedur T.O.T.A.P.S.	75, 76		
	TP4	• Menjelaskan melalui contoh situasi kecemasan yang sesuai untuk T.O.T.A.P.S.	77		
	TP5	• Membuat keputusan tindakan yang diambil semasa melakukan prosedur T.O.T.A.P.S.	77		
	TP6	• Menyebar luas maklumat tentang situasi kecemasan yang memerlukan prosedur T.O.T.A.P.S. secara kritis dan kreatif.	77		
Tahap Penguasaan Unit 3	TP 1	TP 2	TP 3	TP 4	TP 5	TP 6

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Unit
1
Gimnastik Asas

NOTA PECUT

Kemahiran Menghambur

1. Kemahiran memindahkan anggota badan dari satu aras ke aras yang lebih tinggi ataupun ke ruang yang lain.

2. Perlakuan ini memerlukan anjakan badan serta kekuatan otot kaki dalam menghasilkan tolakan ke ruang atau ketinggian yang ingin dicapai oleh murid.

3. Pergerakan dalam kemahiran menghambur:

(a) Hambur ke udara sambil membuat putaran 90°.
- (i) Berlari dengan kelajuan terkawal.
- (ii) Melonjak dengan kedua-dua kaki.
- (iii) Mendarat dengan kedua-dua kaki ke atas peti lombol.
- (iv) Hambur ke udara sambil membuat putaran 90°.
- (v) Fleksi lutut semasa mendarat dan luruskan tangan ke hadapan untuk imbangan.

(b) Hambur ke udara sambil membuat putaran 180°.
- (i) Berlari dengan kelajuan terkawal.
- (ii) Melonjak dengan kedua-dua kaki.
- (iii) Mendarat dengan kedua-dua kaki ke atas peti lombol.
- (iv) Hambur ke udara sambil membuat putaran 180°.
- (v) Fleksi lutut semasa mendarat dan luruskan tangan ke hadapan untuk imbangan.

(c) Hambur ke udara sambil membuat putaran 360°.
- (i) Berlari dengan kelajuan terkawal.
- (ii) Melonjak dengan kedua-dua kaki.
- (iii) Mendarat dengan kedua-dua kaki ke atas peti lombol.
- (iv) Hambur ke udara sambil membuat putaran 360°.
- (v) Fleksi lutut semasa mendarat dan luruskan tangan ke hadapan untuk imbangan.

Kemahiran Melombol

1. Menggunakan alatan seperti peti lombol, meja atau peralatan lain yang sesuai dalam membuat aktiviti memindahkan badan dari satu tempat ke tempat yang lain.

2. Murid harus menggunakan kekuatan tangan dan kaki dalam membuat apungan badan sewaktu melakukan aktiviti.

3. Tiga kategori dalam kemahiran melombol:

(a) Lombol kangkang
- (i) Lonjak ke hadapan dan tangan mendarat ke atas peti lombol.
- (ii) Tolak dan kangkang kaki untuk melepasi peti lombol.
- (iii) Rapatkan kedua-dua kaki dan mendarat.
- (iv) Fleksi lutut semasa mendarat dan luruskan tangan ke hadapan untuk imbangan.

(b) Lombol tegak lalu
- (i) Lonjak ke hadapan dan tangan mendarat ke atas peti lombol.
- (ii) Fleksi lutut untuk melepasi peti lombol di antara dua tangan.
- (iii) Rapatkan kedua-dua kaki dan mendarat.
- (iv) Fleksi lutut semasa mendarat dan luruskan tangan ke hadapan untuk imbangan.

(c) Lombol sisi
- (i) Lonjak ke hadapan dan tangan mendarat ke atas peti lombol.
- (ii) Ayunkan kaki melalui sisi kiri atau kanan peti lombol.
- (iii) Tangan melepasi peti lombol.
- (iv) Rapatkan kedua-dua kaki dan mendarat.
- (v) Fleksi lutut semasa mendarat dan luruskan tangan ke hadapan untuk imbangan.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Buku Teks ms. 4 – 17

Kemahiran Hambur dan Melombol

eP+ NOTA VISUAL

1. Berdasarkan gambar di bawah, nyatakan kemahiran yang betul dan lakukan kemahiran tersebut di hadapan rakan dan guru. TP 1 TP 2

SP 1.1.1 1.1.2

Lombol kangkang	Lombol sisi	Lombol tegak lalu
Hambur ke udara sambil membuat putaran 180°	Hambur ke udara sambil membuat putaran 360°	Hambur ke udara sambil membuat putaran 90°

(a)



Hambur ke udara sambil membuat putaran 180°

(b)



Hambur ke udara sambil membuat putaran 90°

(c)



Hambur ke udara sambil membuat putaran 360°

(d)



Lombol sisi

(e)



Lombol kangkang

(f)



Lombol tegak lalu

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

2. Terangkan teknik untuk melakukan kemahiran berikut dengan betul. **TP 2**

SP 1.1.1 1.1.2 2.1.1 2.1.2

Melakukan kemahiran melombol menggunakan tangan ke atas peti lombol



(a) Lari beberapa langkah dan melonjak dengan kedua-dua kaki serentak (*double take off*).

(b) Lonjak ke hadapan dan tangan mendarat ke atas peti lombol.

(c) Fleksi lutut untuk melepasi peti lombol antara dua tangan.

(d) Rapatkan kedua-dua kaki dan mendarat.

(e) Fleksi lutut semasa mendarat untuk menyerap daya.

(f) Luruskan tangan ke hadapan untuk imbangan.

(g) Tegakkan badan dan luruskan tangan ke atas.

Hambur ke udara sambil membuat putaran 360°



(a) Berdiri dalam keadaan sedia .

(b) Berlari dengan kelajuan terkawal.

(c) Melonjak dengan kedua-dua belah kaki.

(d) Mendarat dengan kedua-dua kaki ke atas peti lombol.

(e) Hambur ke udara sambil membuat putaran 360°.

(f) Fleksi lutut semasa mendarat untuk menyerap daya.

(g) Luruskan tangan ke hadapan untuk imbangan.

(h) Luruskan kaki, tegakkan badan dan luruskan kedua-dua tangan ke atas.

VIDEO

Gimnastik Asas

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

3. Gambar di bawah menunjukkan kemahiran melombol. TP 2 TP 3

SP 1.1.2 2.1.2



Lakukan kemahiran seperti dalam gambar tersebut. Kemudian, susun pergerakan yang terlibat mengikut urutan yang betul.

(a) Tolak dan kangkang kaki untuk melepasi peti lombol.	3
(b) Lonjak ke hadapan dan tangan mendarat ke atas peti lombol.	2
(c) Lari beberapa langkah dan melonjak dengan kedua-dua kaki serentak.	1
(d) Fleksi lutut semasa mendarat untuk menyerap daya.	5
(e) Rapatkan kedua-dua kaki dan mendarat.	4
(f) Tegakkan badan sambil luruskan tangan ke atas.	7
(g) Luruskan tangan ke hadapan untuk imbangan.	6

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

4. Lakukan aktiviti di bawah.

PAK-21 TP 4 TP 5

P+ PRAKTIS EKSTRA

SP 1.1.3 2.1.3 5.2.2 5.4.1

Aktiviti

(a) Bahagikan murid-murid kepada beberapa kumpulan.
(b) Rangka satu persembahan rangkaian pergerakan yang melibatkan kemahiran menghambur dan melombol menggunakan peti lombol.
(c) Gabungkan sekurang-kurangnya empat kemahiran.
(d) Persembahkan ciptaan kumpulan anda di hadapan rakan dan guru.

5. Berdasarkan aktiviti pada soalan 4, kenal pasti kemahiran yang digunakan oleh kumpulan lain menggunakan borang penilaian di bawah.

SP 1.1.3 2.1.3 5.3.1 5.3.2

KBAT Menilai

TP 6

Borang Penilaian Kemahiran Menghambur dan Melombol

Nama kumpulan : _____

Tingkatan : _____

Tarikh : _____

Bil. rangkaian pergerakan : _____

Kemahiran yang digunakan : ☐ Menghambur ☐ Melombol

Bil. kemahiran menghambur : _____

Bil. kemahiran melombol : _____

Ulasan keseluruhan : _____

_____

_____

Cadangan : _____

_____

_____

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

KUIZ GAMIFIKASI

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Pentaksiran Pertengahan Tahun

Bahagian A
[30 *markah*]

SKOR
/100

Arahan: *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu* **A**, **B**, **C** *dan* **D**. *Bagi setiap soalan, pilih* **satu** *jawapan sahaja*.

1. Gambar di bawah menunjukkan kemahiran gimnastik asas.



Apakah kemahiran tersebut?

A Melompat
B Melombol
C Melangkah
D Menghambur

2. Apakah peralatan yang digunakan dalam gimnastik asas?

I Pagar
II Bangku
III Peti lombol
IV Papan anjal

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

3. Gambar di bawah menunjukkan kemahiran gimnastik asas.



Apakah lakuan kemahiran tersebut?

A Lombol tegak lalu
B Lombol kangkang
C Lombol putaran
D Lombol sisi

4. Maklumat di bawah berkaitan dengan kemahiran melombol.

- Lonjak ke hadapan dan tangan mendarat ke atas peti lombol.
- Ayunkan kaki melalui sisi kiri atau kanan peti lombol.
- Tangan melepasi peti lombol.
- Rapatkan kedua-dua kaki dan mendarat.

Apakah kemahiran tersebut?

A Lombol 90°
B Lombol sisi
C Lombol kangkang
D Lombol tegak laku

5. Gambar di bawah menunjukkan kemahiran menghambur di udara sambil membuat putaran



A 45°
B 90°
C 180°
D 360°

6. Apakah maksud pergerakan lokomotor?

A Pergerakan setempat
B Aktiviti yang menggunakan basikal
C Pergerakan kawad dalam kumpulan
D Pergerakan asas seperti berjalan, berlari atau melompat

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

7. Apakah tempo pergerakan pantas bagi tarian inang?

A 1 × 4 **C** 3 × 4
B 2 × 4 **D** 4 × 4

8. Antara berikut, yang manakah kemahiran bukan lokomotor yang terdapat dalam tarian inang?

I Gerakan setempat
II Tangan melenggang
III Gerakan membentuk huruf "C"
IV Gerakan membentuk huruf "L"

A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

9. Antara berikut, yang manakah aktiviti dalam pergerakan kreatif?

I Jalak galak
II Tepuk jalak
III Tepuk katak
IV Lompat jalak

A I, II dan III **C** I, III dan IV
B I, II dan IV **D** II, III dan IV

10. Antara berikut, yang manakah kemahiran dalam permainan bola baling?

I Menghantar
II Mengadang
III Menjaring
IV Merejam

A I, II dan III **C** I, III dan IV
B I, II dan IV **D** II, III dan IV

11. Gambar di bawah menunjukkan kemahiran dalam permainan bola baling.



Apakah kemahiran tersebut?

A Menjaring **C** Mengelecek
B Mengadang **D** Mengumpan

12. Maklumat di bawah berkaitan dengan hantaran dalam permainan bola baling.

> Hantaran ini dilakukan secara menyisi ke sasaran dan menggunakan sebelah tangan dominan untuk jarak dekat.

Apakah jenis hantaran tersebut?

A Hantaran sisi
B Hantaran aras dada
C Hantaran atas bahu
D Hantaran bawah lengan

13. Apakah kemahiran yang dapat mengelirukan pihak lawan dalam permainan bola baling?

A Menjaring **C** Mengadang
B Mengacah **D** Menghantar

14. Apakah tujuan melakukan *follow through* (ikut lajak) selepas membuat balingan?

A Mengacah pihak lawan
B Menambah kelajuan bola
C Menambah fokus ketika balingan
D Memastikan bola berada pada arah yang dikehendaki

15. Antara berikut, yang manakah kemahiran dalam permainan ragbi sentuh?

I Mengacah III Menangkap
II Menjaring IV Menghantar

A I, II dan III **C** I, III dan IV
B I, II dan IV **D** II, III dan IV

16. Apakah yang dimaksudkan dengan '*try*' dalam permainan ragbi?

A Lakuan untuk mendapatkan mata
B Menembusi benteng pasukan lawan yang paling hampir
C Memberikan fokus pada bola yang diterima untuk ditangkap
D Menghantar bola dalam keadaan sempurna dan tepat kepada rakan

17. Apakah kaedah yang boleh digunakan semasa melakukan kemahiran *try*?

I *Dive* III *Touch down*
II *Bounce try* IV *Follow through*

A I, II dan III **C** I, III dan IV
B I, II dan IV **D** II, III dan IV

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

18. Apakah aspek keselamatan yang perlu diberikan penekanan semasa bermain ragbi sentuh?

I Sihat tubuh badan
II Pakaian yang sesuai
III Kawasan yang sesuai
IV Penggunaan kasut spike

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

19. Berapakah ukuran gelanggang bagi permainan ragbi sentuh?

A 50 meter × 50 meter
B 50 meter × 70 meter
C 70 meter × 70 meter
D 70 meter × 90 meter

20. Gambar di bawah menunjukkan servis sepak kuda.



Antara berikut, yang manakah mekanik lakuan servis tersebut?

I Fokus pada bola
II Berdiri dalam keadaan sedia
III Kontak bola menggunakan kekura kaki
IV Kontak bola menggunakan dalam kaki

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

21. Apakah strategi bagi kemahiran sepak takraw berikut?

- Melibas
- Menanduk

A Membuat servis
B Mengumpan
C Menyerang
D Bertahan

22. Apakah maksud orientasi seksual?

A Melihat dirinya sebagai lelaki atau perempuan
B Tarikan seksual terhadap pasangan yang sama
C Tarikan seksual terhadap pasangan yang berlainan jantina
D Tarikan seksual atau emosional kepada individu yang berlainan jantina, sesama jantina atau kedua-duanya

23. Pilih pernyataan yang **benar** tentang biseksual.

A Identiti personal seseorang
B Hubungan seksual tanpa perkahwinan
C Tarikan seksual terhadap sesama jantina
D Tarikan seksual terhadap kedua-dua jantina

24. Antara berikut, yang manakah kepentingan menjaga kehormatan diri?

I Akan disanjung dan dihormati oleh orang lain
II Mampu mencapai kejayaan yang cemerlang dan berterusan
III Tidak mudah terpengaruh dengan amalan atau gejala negatif
IV Mudah berkongsi barangan peribadi seperti tuala dan berus gigi dengan orang lain

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

25. Apakah yang dimaksudkan dengan penyalahgunaan bahan?

A Mengambil bahan terlarang dalam kekerapan yang tinggi
B Mengambil bahan yang memudaratkan dalam kuantiti yang banyak
C Mengambil bahan terlarang atau ubat-ubatan bukan untuk tujuan perubatan
D Mengambil bahan terlarang sehingga menyebabkan khayal dan hilang pertimbangan

26. Antara berikut, yang manakah penyalahgunaan bahan yang boleh menyebabkan ketagihan?

I Dadah
II Arak
III Gam
IV Judi

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

27. Antara berikut, yang manakah kesan konflik dan stres terhadap kesihatan diri?

I Cepat marah dan kecewa
II Iri hati antara adik-beradik
III Bersemangat yang berpanjangan
IV Sering berimaginasi tentang perkara buruk

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

28. Apakah cara untuk menangani konflik dan stres?

A Sengaja mencederakan diri
B Terlibat dengan penyalahgunaan dadah
C Mengambil ubat tanpa preskripsi doktor
D Sentiasa bersenam dan mengamalkan cara hidup sihat

29. Apakah kepentingan merapatkan jurang generasi?

I Memudahkan komunikasi
II Mewujudkan keluarga bahagia
III Mengekalkan hubungan yang baik
IV Menjadikan individu lebih mementingkan diri

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

30. Apakah faktor-faktor wujudnya jurang generasi?

I Jarak umur
II Tatasusila
III Taraf hidup
IV Latar belakang kehidupan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Bahagian B
[20 *markah*]

Arahan: *Jawab* **semua** *soalan.*

1. Senaraikan jenis kemahiran melombol.

(a) Lombol kangkang

(b) Lombol tegak lalu

(c) Lombol sisi

[3 *markah*]

2. Susun pergerakan ragam "L" dalam tarian inang mengikut urutan yang betul.

(a) Bergerak lurus ke hadapan dalam kiraan 1 × 4.	2
(b) Berundur semula dalam kiraan yang sama.	4
(c) Bergerak ke kanan atau ke kiri dalam kiraan 1 × 4.	3
(d) Lakukan pergerakan setempat dalam kiraan 1 × 4.	1

[4 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

3. (a) Mengapakah kemahiran mengacah penting dalam permainan bola baling?

- Bertujuan untuk mencari ruang.
- Mengelirukan pihak lawan.
- Untuk menjaringkan gol.

[2 *markah*]

(b) Jelaskan perkaitan antara ketangkasan dengan lakuan kemahiran mengacah.

- Lakuan mengacah memerlukan perubahan tubuh badan dengan pantas.
- Perubahan ini berkait rapat dengan ketangkasan yang mengubah kedudukan badan dengan pantas.

[2 *markah*]

4. (a) Jelaskan orientasi seksual yang berikut:

(i) Biseksual

Tarikan seksual terhadap kedua-dua jantina.

[1 *markah*]

(ii) Heteroseksual

Tarikan seksual terhadap pasangan yang berlainan jantina.

[1 *markah*]

(b) Jelaskan cara menangani isu kecelaruan identiti seksual dalam kalangan remaja.

- Berpegang teguh kepada ajaran agama.
- Mengelakkan cara hidup yang tidak baik.
- Menjauhi rakan-rakan yang tidak berakhlak.
- Ibu bapa mendidik serta memberikan nasihat dan bimbingan kepada anak-anak.

(Terima jawapan murid yang sesuai) [3 *markah*]

5. Jelaskan faedah tidak melibatkan diri dalam penyalahgunaan dadah.

- Sihat dari segi mental dan emosi.
- Penampilan diri lebih kemas dan menarik.
- Prestasi akademik akan lebih baik.
- Mengelakkan diri daripada melanggar undang-undang yang mungkin menyebabkan akan dipenjarakan.

(Terima jawapan murid yang sesuai) [4 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Pentaksiran Akhir Tahun

Bahagian A
[30 *markah*]

SKOR
/100

Arahan: *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu* **A**, **B**, **C** *dan* **D**. *Bagi setiap soalan, pilih* **satu** *jawapan sahaja*.

1. Gambar di bawah menunjukkan kemahiran gimnastik asas.



Apakah jenis kemahiran tersebut?
A Lombol sisi
B Lombol kangkang
C Hambur dengan putaran 90°
D Hambur dengan putaran 360°

2. Apakah peralatan yang digunakan untuk melonjak ke atas peti lombol?
A Tilam
B Trampolin
C Papan anjal
D Pelana kekuda

3. Antara berikut, yang manakah merupakan kemahiran lokomotor dalam tarian inang?
I Maju dan mundur
II Gerakan setempat
III Tangan melenggang
IV Melangkah ke hadapan
A II dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

4. Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis hantaran.

- Hantaran ini memerlukan kedua-dua belah tangan untuk membuat hantaran jarak dekat.
- Pemain perlu menggerakkan tangan dan siku dengan pantas ke hadapan sambil ikut lajak.

Apakah hantaran tersebut?
A Hantaran sisi
B Hantaran lantun
C Hantaran aras dada
D Hantaran bawah lengan

5. Mengapakah teknik mengacah penting dalam permainan bola baling?
A Menjaringkan gol
B Melakukan pertahanan
C Mengelirukan pihak lawan
D Mengawal pergerakan pihak lawan

6. Antara berikut, yang manakah merupakan kemahiran dalam permainan ragbi sentuh?
I *Try*
II Mengacah
III Menjaring
IV Menghantar
A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

7. Apakah teknik lakuan kemahiran *try* dalam permainan ragbi?

I Pegang bola dengan tangan kiri atau kanan
II Rendahkan badan apabila dekat dengan garisan
III Tendang bola dengan kuat ke kawasan *in-goal*
IV Fleksi lutut dan meniarap dengan bola dirapatkan pada dada

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

8. Dalam permainan sepak takraw, di manakah kedudukan kotak bola semasa melakukan servis sepak kuda?

A Tapak kaki
B Dalam kaki
C Kekura kaki
D Hujung kaki

9. Gambar di bawah menunjukkan sejenis kemahiran dalam permainan kriket.



Apakah kemahiran tersebut?

A Kemahiran boling
B Kemahiran menahan
C Kemahiran memukul
D Kemahiran memadang

10. Bagaimanakah cara untuk mendapatkan sudut pelepasan bola yang tinggi semasa memboling dalam permainan kriket?

A Meluruskan tangan
B Membengkokkan lutut
C Membongkokkan badan
D Menghayunkan tangan dari sisi

11. Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis hantaran.

- Pandang ke hadapan pada aras mata.
- Kepala tegak, siku fleksi dan kepala relaks.
- Postur badan tegak dan relaks dari mula hingga akhir langkah.

Apakah teknik tersebut?

A Postur badan
B Rotasi pinggul
C Pergerakan tangan
D Kedudukan kaki dan tapak kaki

12. Gambar di bawah menunjukkan fasa lakuan dalam acara lompat jauh.



Apakah yang berlaku pada **X**?

A Fasa lonjakan
B Fasa layangan
C Fasa lari landas
D Fasa mendarat

13. Antara berikut, yang manakah merupakan gaya pegangan dalam acara lembing?

I Gaya *Fork*
II Gaya Finnish
III Gaya O'Brien
IV Gaya Amerika

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

14. Apakah ikatan yang sesuai digunakan untuk aktiviti mendaki bukit?

A Ikatan serong
B Ikatan pengail
C Ikatan simpul manuk
D Ikatan silang gunting

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

15. Apakah strategi yang boleh digunakan untuk menyelamatkan diri semasa bermain tuju kaki?
I Balingan perlu laju
II Fokus pada sasaran
III Fokus pada pergerakan bola
IV Bergerak pantas untuk mengelak
A I dan II
B I dan IV
C II dan IIII
D III dan IV

16. Aidy berumur 16 tahun dan mempunyai kadar nadi rehat 66 denyutan seminit. Aidy melakukan intensi latihan sebanyak 75%. Berapakah kadar nadi latihan Aidy?
A 170
B 175
C 180
D 185

17. Nurin berasa sakit pada bahagian otot *hamtrings* selepas melakukan latihan fizikal. Apakah yang menyebabkan situasi tersebut berlaku?
A Nurin tidak memakai kasut yang sesuai
B Nurin tidak mengamalkan pemakanan yang seimbang
C Nurin tidak melakukan regangan sebelum dan selepas melakukan latihan fizikal
D Nurin melakukan aktiviti melebihi had keupayaan dirinya

18. Apakah kepentingan ujian naik turun bangku dalam ujian SEGAK?
A Menguji kelenturan
B Menguji kekuatan otot
C Menguji daya tahan otot
D Menguji daya tahan kardiovaskular

19. Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan biseksual?
A Tarikan seksual terhadap jantinan yang sama
B Tarikan seksual terhadap kedua-dua jantina
C Hubungan seksual tanpa ikatan perkahwinan
D Tarikan seksual terhadap individu berlainan jantina

20. Antara berikut, yang manakah cara-cara untuk menjaga kehormatan diri?
I Menjaga kebersihan diri
II Memakai pakaian yang sopan
III Menang dalam pertandingan yang disertai
IV Mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan
A I dan II
B I dan IV
C II dan IIII
D III dan IV

21. Apakah risiko penyalahgunaan bahan terhadap tubuh badan?
I Kerosakan hati
II Kecacatan janin
III Kecerdasan mental
IV Gangguan fungsi otak
A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

22. Berikut merupakan faedah tidak melibatkan diri dalam penyalahgunaan bahan, **kecuali**
A prestasi akademik baik
B penampilan diri menarik
C hubungan kekeluargaan terjejas
D hubungan sosial meningkat

23. Apakah kepentingan merapatkan jurang generasi?
I Memudahkan komunikasi
II Mewujudkan keluarga bahagia
III Menjadikan hubungan tidak harmoni
IV Melahirkan individu yang mementingkan diri sendiri
A I dan II
B I dan IV
C II dan IIII
D III dan IV

24. Bagaimanakah cara untuk menangani stres?
A Mengambil bahan terlarang
B Berjumpa dengan kaunselor
C Makan dalam kuantiti yang banyak
D Menghiburkan diri di pusat karaoke

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

25. Bilakah tahun kelahiran bagi generasi Z?
A 1981 hingga 1994
B 1990 hingga 2005
C 1995 hingga 2010
D 2011 hingga 2025

26. Antara berikut, yang manakah merupakan penyakit tidak berjangkit?
A AIDS
B Denggi
C Influenza
D Hipertensi

27. Situasi di bawah berkaitan dengan gejala sejenis penyakit.

> Amir mengadu kerap berasa sakit pada bahagian dadanya dan sering berdebar-debar. Dia juga mengalami sesak nafas ketika melakukan aktiviti serta selera makan semakin berkurang.

Apakah penyakit yang dialami oleh Amir?
A Diabetes
B Respiratori kronik
C Jantung berlubang
D Penyakit kardiovaskular

28. Bagaimanakah kita dapat menangani gangguan seksual?
I Berani berkata 'tidak'
II Berkawan secara sihat
III Tidak bebas bersentuhan
IV Merahsiakan masalah gangguan seksual
A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

29. Bagaimanakah cara untuk memastikan makanan yang dibeli selamat untuk dimakan?
A Membeli biskut tanpa melihat tarikh luput
B Tidak melihat pada keadaan bungkusan makanan
C Memastikan plastik makanan yang dipilh tidak koyak
D Membeli makanan yang mempunyai tanda harga pada bungkusan

30. Pernyataan di bawah berkaitan dengan salah satu langkah T.O.T.A.P.S..

> Minta mangsa berdiri dan melakukan ujian kemahiran seperti melompat atau berlari.

Apakah langkah tersebut?
A *Touch*
B *Skill test*
C *Active movement*
D *Passive movement*

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Bahagian B
[20 *markah*]

Arahan: *Jawab* **semua** *soalan.*

1. Nyatakan jenis lakuan dalam permainan kriket berdasarkan gambar di bawah.

(a)



Balingan bola atas kepala

(b)



Balingan bola bahagian sisi

(c)



Tangkapan bola aras pinggang

(d)



Tangkapan bola aras kepala

[4 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

2. Nyatakan teknik yang salah dan perlakuan yang boleh membatalkan peserta lumba jalan kaki berdasarkan gambar di bawah.

(a)



Badan condong ke hadapan

(b)



Membengkokkan lutut

(c)



Badan condong ke belakang

[3 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

3. Nyatakan **tiga** faktor yang mendorong kepada kecelaruan identiti seksual.

(a) Suka berfoya-foya.

(b) Gemar menggunakan media sosial untuk perkara-perkara yang negatif.

(c) Pengaruh rakan sebaya.

[3 *markah*]

4. Jelaskan cara-cara untuk mengekalkan hubungan dan pergaulan yang sihat.

(a) Menjaga batas pergaulan / tidak bergaul bebas antara berlainan jantina.

(b) Menghormati orang yang lebih tua atau dewasa.

(c) Berkongsi masalah dengan guru atau rakan / tidak merahsiakan masalah.

(d) Tidak menceroboh atau mengganggu hak peribadi orang lain.

(Terima jawapan murid yang sesuai) [3 *markah*]

5. Penyakit merupakan keadaan tidak normal yang menyebabkan penghidapnya tidak dapat memberi tumpuan dalam menjalani kehidupan seharian. Nyatakan **empat** jenis penyakit tidak berjangkit.

(a) Diabetes

(b) Penyakit kardiovaskular

(c) Hipertensi

(d) Penyakit respiratori kronik

[4 *markah*]

6. Jelaskan cara-cara penyimpanan makanan yang betul supaya kualiti makanan dapat dikekalkan.

(a) Simpan makanan yang mudah rosak di dalam peti sejuk.

(b) Pastikan makanan yang telah dimasak tidak terdedah melebihi empat jam pada suhu bilik.

(c) Pastikan makanan mentah tidak diletak dan dibiarkan di atas lantai.

(Terima jawapan murid yang sesuai) [3 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.